

**PROJECT MANAGEMENT FROM THE ISLAMIC-BASED MANAGEMENT AND  
 CONVENTIONAL PERSPECTIVES**

**PENGURUSAN PROJEK DARI PERSPEKTIF PENGURUSAN BERTERASKAN ISLAM DAN  
 BARAT**

Musmuliadi Kamaruding<sup>i</sup>, Siti Hamidah Abdull Rahman<sup>ii</sup> & Rosni Abdul Rani @ Ibrahim<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Pengajian Kejuruteraan Awam, Kolej Pengajian Kejuruteraan, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. musmuliadi@uitm.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Pengajian Kejuruteraan Awam, Kolej Pengajian Kejuruteraan, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. hamidahar@uitm.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah, Fakulti Perniagaan, DRB-HICOM University of Automotive Malaysia, Pekan, Pahang, rosni@dhu.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>Project management is an area related to how an organization can complete a project according to agreed standards or conditions. However, project management is seen to have differences from Islamic and conventional-based management perspectives. Accordingly, this study aims to identify and analyze the differences between project management from Islamic and conventional-based management perspectives. The identification and analysis are guided by document review and qualitative content analysis methods. The findings of the study found that project management from the Islamic and conventional-based management perspectives had very clear differences in terms of tasawur or philosophy, reference sources, individual functions, and ultimate goals to be achieved. Tasawur project management from the perspective of Islamic-based management is based on Islamic tasawur by making the paradigm of Tauhid as a backbone of management. While the concept of project management from the conventional management perspective is based on materialism. From the aspect of reference sources, project management from the perspective of Islamic-based management is guided by the Qur'an, hadith, ijma, and qiyas. While project management from a conventional perspective is based on the strength of the human mind alone. Next, from the aspect of individual function, project management from the perspective of Islamic-based management sees individuals in an organization functioning as servants and caliphs of Allah SWT. While project management from a conventional perspective sees that individuals in an organization only function as merely economic beings. Next from the aspect of the ultimate goal, project management from the perspective of Islamic-based management sets the ultimate goal to obtain Allah SWT's pleasure. While project management from the conventional perspective puts maximum profit as the end goal to be achieved.</i></p> <p>Keywords: <i>Project, Management, Islamic-Based, Conditions, Qualitative.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Pengurusan projek adalah bidang yang berkaitan dengan bagaimana sesebuah organisasi berupaya untuk menyiapkan sesuatu projek mengikut piawaian atau syarat yang telah dipersetujui. Namun, pengurusan projek dilihat mempunyai perbezaan dari perspektif pengurusan berteraskan Islam dan Barat.</i></p>

	<p><i>Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis perbezaan antara pengurusan projek dari perspektif pengurusan Islam dan Barat. Pengenalpastian dan penganalisisan tersebut berpandukan kaedah kajian dokumen dan kaedah analisis kandungan kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam dan Barat mempunyai perbezaan yang sangat jelas dari aspek tasawur, sumber rujukan, fungsi individu, dan matlamat akhir yang ingin dicapai. Tasawur pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam adalah berasaskan tasawur Islam dengan menjadikan paradigma Tauhid sebagai tunjang pengurusan. Manakala tasawur pengurusan projek dari perspektif Barat pula berasaskan kebendaan atau bersifat materialistik. Dari aspek sumber rujukan, pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam adalah berpandukan al-Qur'an, hadith, ijmak dan qias. Sementara pengurusan projek dari perspektif Barat pula adalah berasaskan kekuatan akal fikiran manusia semata-mata. Seterusnya, dari aspek fungsi individu, pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam melihat individu di sesebuah organisasi berfungsi sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Manakala pengurusan projek dari perspektif Barat pula melihat bahawa individu di sesebuah organisasi hanyalah berfungsi sebagai makhluk ekonomi semata-mata. Seterusnya dari aspek matlamat akhir, pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam menetapkan matlamat akhirnya adalah untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Sementara pengurusan projek dari perspektif Barat pula meletakkan keuntungan yang maksimum sebagai matlamat akhir yang ingin dicapai.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Projek, Pengurusan, Berteraskan Islam, Syarat, Kualitatif.</i></p>
--	--

## PENDAHULUAN

Pengurusan projek merujuk proses untuk mengaplikasikan kemahiran teknikal, pengetahuan peralatan, dan teknik-teknik semasa menguruskan projek dengan tujuan untuk memastikan projek yang diurus dapat disiapkan mengikut masa, kualiti dan kos yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama, ia secara langsung dapat memberikan kepuasan kepada semua pihak yang terlibat dalam pengurusan projek tersebut (Alwaly dan Alawi, 2020). Pengurusan projek telah digunakan secara meluas untuk menguruskan projek di pelbagai industri seperti industri pembinaan, automotif, dan teknologi maklumat (Kamaruding & Mohd Ramly, 2020; Rocha et al., 2016).

Pada hari ini, rujukan utama yang paling popular dalam pengurusan projek adalah buku yang telah diterbitkan oleh Project Management Institute (2017) yang bertajuk project management body of knowledge (PMBOK) (Alwaly & Alawi, 2020; Kamaruding & Mohd Ramly, 2020; Rocha et al., 2016). Buku ini telah membincangkan sepuluh bidang ilmu antaranya ialah pengurusan integrasi projek, pengurusan kos projek, pengurusan skop projek, pengurusan komunikasi projek, pengurusan sumber projek, pengurusan perolehan (procurement) projek, pengurusan kualiti projek, pengurusan jadual projek, pengurusan pihak berkepentingan (stakeholder) projek, dan pengurusan risiko projek (Project Management Institute, 2017; Alwaly & Alawi, 2020).

Kesemua bidang ilmu yang terdapat dalam PMBOK tersebut sangat penting kepada mana-mana organisasi yang terlibat dalam pengurusan projek. Hal ini kerana, ia memberikan panduan tentang bagaimana untuk mengurus projek dari peringkat awal sehingga peringkat akhir pengurusan projek (Project Management Institute, 2017). Walau bagaimanapun, kajian ini tidak bertujuan untuk membincangkan bidang-bidang dalam PMBOK tersebut. Dalam kajian ini, perkara yang ingin diketengahkan adalah tentang perbezaan di antara pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam dan Barat. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, pengaplikasian pengurusan projek menjadi

satu isu terutamanya dalam kalangan orang Islam. Hal ini kerana, orang Islam dikatakan tidak sesuai untuk menggunakan pengurusan yang berasaskan Barat dalam setiap aktiviti yang dilakukan termasuklah pengurusan projek. Hal ini selaras dengan pandangan beberapa orang penyelidik sebelum ini.

Al-Qaradawi (1996) misalnya telah menyatakan bahawa aktiviti yang dilakukan oleh individu Islam hendaklah sentiasa bersandarkan Allah SWT dan perlu bermatlamatkan keredaan-Nya. Selain itu, kaedah untuk melaksanakan kegiatannya juga bukannya kaedah yang melanggar syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Salleh (2009) pula berhujah bahawa sesuatu yang mempunyai unsur Islam tidak akan menjadi munasabah jika ia diurus dengan cara yang bukan Islamik.

Sementara itu, Abbasi et al. (2010) pula berpandangan bahawa semua umat Islam harus mempraktikkan pengurusan yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW iaitu pengurusan yang berasaskan al-Qur'an dan hadith. Tambahan lagi, Hanapi (2017) juga telah menyatakan bahawa pengurusan yang berasaskan dari Barat tidak sesuai digunakan untuk membangunkan negara Islam dan apa-apa yang ada kaitannya dengan Islam.

Berdasarkan pandangan penyelidik-penyelidik tersebut, jelas menunjukkan bahawa hanya pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam sahaja yang sesuai digunakan oleh Muslim. Pengurusan projek dari perspektif Barat tidak sesuai digunakan oleh Muslim. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis ciri-ciri dan perbezaan di antara pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam dan juga Barat. Kajian ini akan menjawab dua persoalan iaitu (1) Apakah ciri-ciri pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam dan Barat? (2) Apakah aspek perbezaan di antara pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam dan Barat?

Kajian ini dilihat sangat penting kerana ia dapat memberikan sumbangan dari aspek pengetahuan tentang pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam dan Barat. Pada masa yang sama, ia juga sebenarnya dapat memberikan gambaran tentang alasan pengurusan projek dari perspektif Barat tidak sesuai digunakan oleh orang-orang Islam yang terlibat dalam pengurusan projek. Di samping itu, ia juga secara langsung dapat membatu organisasi atau individu khususnya dalam kalangan Muslim untuk menggunakan pengurusan yang sesuai digunakan. Hal ini penting kerana kepincangan atau kesilapan dalam memilih kaedah pengurusan yang sesuai akan membawa kepada masalah dan boleh melambatkan gerak kerja serta boleh menjejaskan kualiti kerja (Idris et al., 2019).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berasaskan kajian kualitatif melalui pendekatan kajian dokumen. Data yang dikumpul adalah bersumberkan data sekunder iaitu data sedia ada yang berbentuk dokumen bertulis. Antaranya adalah seperti buku, jurnal artikel, akhbar, dan lain-lain sumber dokumen yang berkaitan. Hal ini selaras dengan pandangan oleh Patton (1990). Menurut Patton (1990), data dalam kajian kualitatif boleh dihasilkan melalui tiga cara iaitu pertama, melalui pemerhatian; kedua, melalui temu bual; dan ketiga, melalui bahan-bahan atau dokumen-dokumen bertulis.

Sementara kaedah untuk menganalisis data dalam kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif. Kaedah ini sesuai digunakan dalam kajian ini kerana kaedah tersebut merujuk aktiviti menterjemahkan sesuatu data yang berbentuk teks dengan cara sistematik melalui pengekodan atau menentukan tema-tema (Mayring, 2000; Neuman, 2011). Antara proses yang terlibat semasa analisis data dijalankan adalah seperti yang dicadangkan oleh Elo dan Kyngas (2007) iaitu:

- i. Membuat persediaan iaitu mengenal pasti unit analisis kajian;
- ii. Mengorganisasi data iaitu melibatkan aktiviti seperti pengekodan, pengelasan dan penentuan tema-tema;
- iii. Membuat laporan iaitu melaporkan atau menulis hasil dapatan kajian.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Perbincangan dalam bahagian ini dibahagikan kepada tiga tema. Pertama, ciri-ciri pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam. Kedua, ciri-ciri pengurusan projek dari perspektif pengurusan Barat. Ketiga, perbezaan di antara pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam dan Barat.

### **Ciri-ciri Pengurusan Projek dari Perspektif Pengurusan Berteraskan Islam**

Pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam adalah pengurusan yang lahir daripada acuan tasawur Islam. Ia menjadikan paradigma Tauhid sebagai tunjang (YaPEIM, 2005; Rasid Muhammad et al., 2008; Salleh, 2009; Yusof, 2015). Pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam juga dilihat menjadikan al-Qur'an dan hadith sebagai sumber rujukan utama, manakala ijmak dan qiyas sebagai sumber sokongan (Salleh, 2009; Ahmad, 2013; Yusof, 2015). Tambahan lagi, pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam menetapkan matlamat akhir yang ingin dicapai adalah semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah SWT (Hassan al-Banna et al., 2013).

Selain itu, pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam melihat bahawa manusia dalam pengurusan sebenarnya memainkan dua fungsi utama iaitu sebagai hamba dan juga khalifah Allah SWT. Pada masa yang sama, ia juga menggambarkan bahawa manusia dalam organisasi adalah makhluk sosial yang memerlukan dan diperlukan oleh orang lain dalam sesebuah organisasi untuk bekerjasama melakukan kebaikan. Seterusnya, organisasi dalam pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam juga boleh dijadikan sebagai wadah atau tempat warga organisasi (manusia) untuk melakukan amal kebaikan yang boleh menjadi bekalan pada hari akhirat kelak (Rasid Muhamad et al., 2008).

Secara keseluruhannya, pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam dapat disimpulkan kepada lima ciri utama berasaskan pandangan oleh Salleh (2009). Pertama, pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam ingin menunjukkan bahawa manusia yang diciptakan oleh Allah SWT berfungsi sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Kedua, kaedah pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam hendaklah dilaksanakan melalui kerjasama dan dilakukan secara syura yang terikat dengan syariat, kejujuran dan nilai-nilai, serta etika yang benar.

Ketiga, pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam hendaklah sentiasa berpandukan al-Quran, hadis, ijmak dan qiyas. Keempat, tujuan melakukan aktiviti-aktiviti dalam pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam adalah untuk mewujudkan tamadun yang adil tanpa melakukan perbuatan yang tidak diredai oleh Allah SWT. Kelima, matlamat akhir dalam pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam adalah untuk mendapatkan keredaan Allah SWT sekaligus dapat mencapai kebahagiaan di dunia dan kejayaan di akhirat.

### **Ciri-Ciri Pengurusan Projek dari Perspektif Pengurusan Barat**

Pengurusan projek yang lahir daripada pengurusan Barat adalah sebuah pengurusan yang lahir daripada ideologi sekular selaras dengan pandangan yang telah diberikan oleh Wan Omar (1996). Menurut Wan Omar (1996), pengurusan Barat adalah pengurusan berbentuk sekular iaitu pengurusan yang bersifat kebendaan atau bersifat materialistik. Selain itu, pengurusan dari perspektif Barat juga adalah sebuah pengurusan yang berasaskan rasional iaitu ia hanya bergantung kepada kemampuan akal sahaja (Adnan et al., 2015). Pada masa yang sama, ia mengetepikan kewujudan wahyu sebagai sumber utama dalam pengurusan (Rasid Muhamad et al., 2008; Hanapi, 2017).

Antara ciri lain pengurusan projek dari perspektif pengurusan Barat ialah matlamat pengurusannya hanya menjurus ke arah untuk memaksimumkan keuntungan, produktiviti dan kualiti semata-mata (Ahmad, 2013; Yusof, 2015). Menurut Abu Sin (1991), pengurusan yang berasaskan Barat ini hanya terlalu menekankan penghasilan

organisasi dan ia kurang mengambil perhatian berkaitan dengan hal nilai kerohanian dan kemanusiaan. Tasawur pengurusannya juga tidak kukuh dan manusia hanya dianggap sebagai alat atau makhluk ekonomi yang boleh dimanipulasikan untuk mendapatkan keuntungan (Abang Muis et al., 2018; Hanapi, 2017).

Tambahan lagi, ciri lain pengurusan Barat menurut Rasid Muhamad et al (2008) ialah ia menyetepikan peranan agama dalam urusan pentadbiran di samping tidak berlandaskan pendekatan yang bersepadu seperti yang dianjurkan oleh Islam iaitu menekankan aspek kerohanian, akal dan fizikal. Pada masa yang sama, Wan Omar (1996) juga telah menyatakan bahawa pengurusan Barat adalah pengurusan yang terasing dengan alam persekitaran luar khususnya yang berkaitan dengan nilai-nilai dan norma-norma sosial atau masyarakat serta tiada ikatan dengan hukum-hakam keagamaan dalam amalan pengurusan, perancangan, pelaksanaan dan proses membuat keputusan.

Kesimpulannya, ciri-ciri pengurusan projek dari perspektif pengurusan Barat dapat disimpulkan kepada empat ciri utama. Pertama, falsafah pengurusannya adalah berasaskan kebendaan atau materialistik yang lahir daripada fahaman sekularisme. Kedua, sumber pengurusannya pula hanyalah bergantung kepada kekuatan akal manusia semata-mata. Ia menolak peranan wahyu sebagai sumber rujukan utama. Ketiga, peranan manusia hanyalah dilihat sebagai makhluk ekonomi yang boleh digunakan untuk memaksimumkan keuntungan kepada organisasi. Keempat, pengurusan projek dari perspektif pengurusan Barat menetapkan matlamat akhirnya adalah untuk mendapatkan keuntungan yang maksimum dan berusaha untuk meningkatkan produktiviti.

### **Perbezaan Antara Pengurusan Projek Dari Perspektif Pengurusan Islam Dan Barat**

Berdasarkan perbincangan berkenaan dengan ciri-ciri pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam dan Barat, dapat disimpulkan bahawa terdapat empat aspek yang membezakan di antara kedua-duanya. Pertama, aspek teras atau tasawur pengurusan; kedua, aspek sumber (epistemologi) pengurusan; ketiga, aspek fungsi individu dalam pengurusan; dan keempat, aspek matlamat akhir yang ingin dicapai. Perbincangan lanjut bagi keempat-empat aspek ini adalah seperti berikut:

Aspek Perbezaan	Pengurusan Projek	
	Perspektif Islam	Perspektif Barat
Teras atau Tasawur	Paradigma Tauhid Tasawur Islam	Materialistik Bersifat Kebendaan
Sumber Rujukan	Al-Qur'an, Hadith, Ijmak dan Qias	Akal fikiran semata-mata
Fungsi Individu	Hamba dan khalifah Allah SWT	Makhluk ekonomi semata-mata
Matlamat Akhir	Keredaan Allah SWT	Keuntungan yang maksimum

Jadual 1: Perbezaan Pengurusan Projek dari Perspektif Pengurusan Berteraskan Islam dan Barat

#### **i. Aspek Teras atau Tasawur Pengurusan**

Tasawur pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam adalah berasaskan tasawur Islam dengan menjadikan paradigma Tauhid sebagai tunjang. Maksudnya, semua ahli organisasi dalam pengurusan hendaklah sentiasa mengakui kewujudan Allah SWT sebagai Pentadbir alam ini (YaPEIM, 2005; Rasid Muhammad et al., 2008; Salleh, 2009; Yusof, 2015). Pada masa yang sama, ia juga menjaga keseimbangan di antara dunia dan akhirat (Wan Omar, 1996).

Sementara pengurusan projek dari perspektif pengurusan Barat pula adalah berasaskan falsafah materialistik iaitu bersifat kebendaan (Wan Omar, 1996; Rasid Muhamad et al., 2008; Yusof, 2015). Ia hanya melihat dari aspek keduniaan semata-mata

tanpa menekankan aspek akhirat serta terpisah dengan elemen keagamaan dalam aktiviti pengurusannya (Abu Sin 1991; Wan Omar, 1996; Rasid Muhamad et al., 2008).

#### **ii. Aspek Sumber (Epistemologi) Pengurusan**

Pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam sentiasa berpandukan al-Qur'an dan hadith sebagai rujukan utama serta ijmak dan qiyas sebagai sumber sokongan dalam menjalankan aktiviti pengurusan (Salleh, 2009; Ahmad, 2013; Yusof, 2015). Manakala, pengurusan projek dari perspektif pengurusan Barat pula adalah berasaskan rasional iaitu hanya bergantung kepada kemampuan akal manusia sahaja (Adnan et al., 2015). Pada masa yang sama, ia mengetepikan kewujudan wahyu sebagai sumber utama dalam pengurusan (Rasid Muhamad et al., 2008; Hanapi, 2017).

#### **iii. Aspek Fungsi Individu**

Individu dalam pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam mempunyai dua fungsi utama iaitu sebagai hamba dan juga khalifah Allah SWT. Manusia wajib untuk sentiasa mengabdikan diri kepada Allah SWT (Salleh, 2009; Rasid Muhamad et al., 2008). Manakala fungsi individu dalam pengurusan projek dari perspektif pengurusan Barat pula melihat individu atau manusia itu hanyalah alat atau makhluk ekonomi yang boleh dimanipulasikan oleh organisasi untuk mendapatkan keuntungan yang maksimum (Hanapi, 2017; Abang Muis, 2018).

#### **iv. Aspek Matlamat Akhir**

Pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam meletakkan keredaan Allah SWT sebagai matlamat akhirnya yang ingin dicapai (Hassan Al-Banna, 2013; Ahmad, 2013; Salleh, 2009). Sementara pengurusan projek dari perspektif pengurusan Barat pula telah menetapkan matlamat akhirnya adalah untuk mendapatkan keuntungan yang semaksimum mungkin dan meningkatkan produktiviti (Ahmad, 2013; Salleh, 2009, Wan Omar, 1996).

### **PENUTUP**

Berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan, dapat disimpulkan bahawa pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam dan Barat mempunyai perbezaan yang sangat jelas. Antaranya dari aspek tasawur, epistemologi, fungsi individu, dan matlamat akhir. Kedua-dua jenis pengurusan mempunyai pendekatan masing-masing. Namun, kajian ini mendapati bahawa pengurusan projek dari perspektif pengurusan berteraskan Islam dilihat lebih komprehensif kerana ia menekankan aspek dunia dan akhirat berbanding dengan perspektif Barat yang hanya menekankan aspek dunia semata-mata.

Bukan itu sahaja, pengurusan projek dari perspektif Islam juga melihat fungsi manusia di sesebuah organisasi bukan untuk dimanipulasikan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan tetapi, mereka mempunyai dua fungsi utama iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Justeru, diharapkan kajian ini dapat memberikan implikasi dari aspek teoretikal dan praktikal khususnya dalam kalangan Muslim yang terlibat dalam pengurusan projek.

### **RUJUKAN**

- Abang Muis, A. M. R., Alias, M. S., Kamaruding, M., & Mokhtar, M. Z. 2018. *Islamic Perspective on Human Development Management: A Philosophical Approach*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 8(4), 543-552. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v8-i4/4031>
- Abbasi, A. S., Rehman, K. U., & Bibi, A. 2010. *Islamic Management Model*. African Journal of Business Management, 4 (9), 1873-1882. Standard: 1993-8233, Impact Factor: 1.105.

- Abu Sin, A. I. 1991. *Pengurusan dalam Islam (Terjemahan Abd Rashid Ngah & Jusoh Kadir)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan, A. A., Ihsan, A. A., & Abdullah, A. H. 2015. *Model Pengurusan Islam Berasaskan Ayat Pertama Surah al-Fatihah*. Proceeding of IDMAC, 2015, 319–331.
- Ahmad, F. A. 2013. *Konsep Pengurusan Institusi Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qaradawiyy, Y. 1996. *Memahami Keutamaan Berasaskan Al-Qur'an Dan Al-Sunnah*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Alwaly, K. A., & Alawi, N. A. 2020. *Factors Affecting the Application of Project Management Knowledge Guide (PMBOK® GUIDE) in Construction Projects in Yemen*. Journal of Construction Engineering and Management, 9(3), 81–91. doi:10.5923/j.ijcem.20200903.01
- Elo, S. & Kyngas, H. 2008. *The Qualitative Content Analysis Process*. Journal of Advanced Nursing 62 (1), 107–115. doi: 10.1111/j.1365-2648.2007.04569.x.
- Hanapi, M. S. 2017. *Tasawur Teori Pembangunan Lazim: Analisis Daripada Perspektif Tasawur Islam*. Jurnal Hadhari 9 (1) (2017) 49-61.
- Hasan Al-Banna, M., Ab. Mumin, A. G., & Siti Arni, B. 2013. *Sistem Pengurusan Islam Yang Berkualiti Mampu Menjamin Kepuasan Pekerja: Suatu Realiti Dan Cabaran Masa Hadapan*. Global Journal Al-Thaqafah, 3(1), 67–84. <https://doi.org/10.7187/gjat342013.03.01>
- Idris, M., Wan Zakaria, W. F. A., Long, A. S., & Salleh, N. 2019. *Kualiti Kerja dalam Organisasi: Tinjauan dari Perspektif Pengurusan Islam*. International Journal of Islamic Thought, 15(1), 60–70. <https://doi.org/10.24035/ijit.15.2019.006>
- Kamaruding, M., & Mohd Ramly, M. H. 2020. *Project Management Knowledge on New Product Development in Automotive*. Journal of Critical Review, 7(17), 1026–1031.
- Mayring, P. 2000. *Qualitative Content Analysis*. Forum Qualitative Sozialforschung/Forum: Qualitative social research, 1(2). <http://qualitative-research.net/fqs/fqs-e/2-00inhalt-e.htm>.
- Muhammad Syukri Salleh. 2009. *Ke Arah Pengurusan Pembangunan Islam*. Dalam: Muhammad Syukri Salleh & Fadzila Azni Ahmad, (eds.). *Pengurusan Pembangunan Islam: Prosiding Seminar*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.
- Neuman, W. L. 2011. *Basics Of Social Research: Qualitative And Quantitative Approaches*. Delhi: Prentice-Hall.
- Patton, M. Q. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc., Ed. 2.
- Project Management Institute. 2017. *A Guide to the Project Management Body of Knowledge (PMBOK® Guide)*. Project Management Institute, Inc.
- Rasid Muhamad, Mohd Yadman Sarwan & S.Salahudin Suyurno. 2008. *Pengurusan Islam: Teori dan praktis*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UITM.
- Rocha, Á., Correia, A. M., Adeli, H., Reis, L. P., & Teixeira, M. M. 2016. *Large Project Management in the Automotive Industry: A Flexible and Knowledge Based Approach*. Advances in Intelligent Systems and Computing, 445, V–VI. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-31232-3>
- Salleh, M. S. 2009. *Ke Arah Pengurusan Pembangunan Islam*. Dalam: Muhammad Syukri Salleh & Fadzila Azni Ahmad, (eds.) *Pengurusan Pembangunan Islam: Prosiding Seminar*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.
- Wan Omar, W. L. O. 1996. *Pengurusan Islam Abad ke-21: Revolusi Pengurusan Untuk Keunggulan Sektor Awam dan Korporat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributor.
- YaPEIM, A. P. 2005. *Pengurusan Dalam Islam Menghayati Prinsip Dan Nilai Qurani*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YaPEIM.
- Yusof, A. A. 2015. *Pengurusan Organisasi Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*